

Jalan: Pusat diminta campur tangan

UM 29 SEP 2003

SHAH ALAM 28 Sept. — Ahli Dewan Undangan Negeri Sementa, Datuk Abdul Rahman Palil meminta Kerajaan Pusat dan Kementerian Kerja Raya campur tangan bagi memastikan projek menaiktaraf jalan terbengkalai dari Klang ke Kuala Selangor disiapkan segera.

Menurut beliau, langkah itu perlu kerana keadaan jalan sepanjang kira-kira 60 kilometer itu amat tidak memuaskan dan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan projek berkenaan boleh siap pada hujung tahun ini sebagaimana yang dijadualkan sebelum ini.

Lebih memburukkan, katanya, keadaan permukaan ja-

lan yang teruk dan tidak ada papan tanda keselamatan di sepanjang jalan berkenaan menyebabkan lebih 30 nyawa terkorban sepanjang tempoh jalan itu terbengkalai.

“Sebagai wakil rakyat saya berasa amat dukacita dengan keadaan ini dan masalah ini sebenarnya sering menjadi isu utama dalam setiap kali pertemuan atau dialog antara saya bersama penduduk.

“Oleh itu saya harap rungutan mereka mendapat perhatian pihak berkenaan. Projek ini perlu disiapkan segera agar masalah ini tidak terus menghantui penduduk sekitar dan pengguna jalan raya,” ujarnya.

Beliau menyatakan demiki-

an ketika ditemui pemberita selepas Program Hari Keluarga Majlis Belia Selangor (MBS) di sini, hari ini.

Sehubungan itu, beliau yang juga Presiden MBS, mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad; Timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu campur tangan bagi membolehkan projek menaik taraf jalan yang menelan kos kira-kira RM500 juta itu dapat disiapkan segera.

Katanya, jika tiada campur tangan daripada pihak terbabit, beliau percaya projek yang dimajukan oleh anak syarikat Tabung Haji itu tidak akan siap mengikut jadual.

Tambahan pula katanya, beliau difahamkan peratusan kerja-kerja yang tidak siap untuk projek jalan berkenaan adalah terlalu tinggi.

Beliau bimbang jumlah kemalangan maut di laluan utama itu akan terus meningkat menjelang musim perayaan yang serentak dengan cuti sekolah pada hujung tahun ini.

“Memandangkan musim perayaan dan cuti sekolah semakin hampir saya percaya banyak kenderaan akan melalui jalan ini dan kita tidak mahu peristiwa kemalangan maut yang membabitkan lapan sekeluarga seperti tahun lalu berulang.